

MAHATHIR

1980

KUALA LUMPUR, 17 FEB. (BERNAMA) — KERAJAAN SEDANG MENGIKUTI DENGAN TELITI KEGIATAN PARA PELAJAR MALAYSIA DI BRITAIN, BERKAITAN DENGAN TINDAKAN NEGARA ITU MENAIKAN BELANJA PERSEKOLAHAN UNTUK PARA PELAJAR ASING, DEMIKIAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN TIDAK AKAN MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN TERHADAP MEREKA KECUALI JIKA MEREKA MELANGGAR UNDANG-UNDANG, KATANYA KEPADA PARA PEMERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR SEKEMBALINYA DARI LAWATAN GALAKAN PELABURAN SELAMA 11 HARI KE SWITZERLAND DAN BELGIUM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PARA PELAJAR ITU MENUNTUT DIKENAKAN SEKATAN KE ATAS BRITAIN KERANA MENAIKAN YURAN PERSEKOLAHAN PARA PELAJAR ASING.

MEREKA ITU BEBAS MELAHIRKAN PENDAPAT SELAGI MEREKA TIDAK MELANGGAR UNDANG-UNDANG, TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU TELAH BERDIALOG DENGAN KIRA-KIRA 600 ORANG PELAJAR MALAYSIA SEMASA SINGGAH DI LONDON DALAM PERJALANAN PULANG. -- BERSAMBUNG 2131/A1

B540:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, RAMAI PARA PELAJAR YANG MASIH KURANG ELAS DENGAN PERKARA TERSEBUT.

+MEREKA TELAH MENGEMUKAKAN SOALAN YANG BUKAN-BUKAN DAN JUGA MEMBUAT TUDUHAN-TUDUHAN YANG TIDAK BERASAS,+ KATANYA.

MENYENTUH MENGENAI LAWATANNYA, BELIAU MENYATAKAN DIANTARA TEMPAT-TEMPAT YANG DILAWATI IALAH KILANG BARANG-PARANG PERAK DI LONDON UNTUK MENKAJI KEMUNGKINAN MEMPELAWA PARA PENGUSAHA BARANG PERAK DI SANA MELABUR DI MALAYSIA.

KATANYA, INI ADALAH KERANA PERLUNYA MEMAJUKAN PERUSAHAAN PERAK DAN TEMBAGA DI NEGARA INI.

TEKNIK-TEKNIK MODEN DALAM PERUSAHAAN PERAK BOLEH DIGUNAKAN DI DALAM PERUSAHAAN PERAK DAN TEMBAGA DI NEGARA INI, TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA MENYATAKAN PUAS HATI DENGAN SAMBUTAN YANG DIBERI KEPADA UCAPANNYA DI SIMPOSIUM DI SWITZERLAND DAN BELGIUM. — BERNAMA 2134/A1